SAMPEL PERCUMA

Pentaksiran Kurikulum STPM 2023 Sejarah Semester 1

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

SEJARAH [SEJARAH DUNIA (1500-1955)]

PENTAKSIRAN KURIKULUM

SEMESTER 1 STPM 2023

KERTAS 1 (940/1)

(DUA JAM)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN

*Jawab **empat** soalan sahaja. Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan markah diberikan dalam tanda kurung ( )*

.

Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak.

Jawab ***empat*** soalan sahaja

1. Bincangkan ciri- ciri masyarakat maritim di Portugal pada abad ke- 16 hingga abad 17 Masihi.

(20 markah)

2. Bincangkan peranan pembesar dalam sistem pemerintahan beraja di Negara China dari abad ke-16 hingga abad ke- 20.

(20 markah)

3. Huraikan faktor- faktor perkembangan perdagangan dan perniagaan di Belanda menjelang abad ke-16 hingga abad ke-18 Masihi.

(20 markah)

4. Huraikan perkembangan sistem pendidikan di Perancis pada abad ke- 18 hingga abad ke- 19 Masihi.

(20 markah)

5. Bincangkan sebab- sebab meletusnya Perang Dunia Pertama pada 1914 hingga 1918 di Eropah.

(20 markah)

6. Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (PBB) berjaya membawa keamanan dunia selepas Perang Dunia Kedua. Bincangkan.

(20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN
PENTAKSIRAN SEJARAH
SEMESTER 1

1.Bincangkan ciri-ciri masyarakat Maritim di Portugal pada abad ke-16 sehingga 17 Masihi. (20 Markah)

Pengenalan

Masyarakat maritim bermaksud masyarakat yang memberikan tumpuan utama terhadap perdagangan dan kegiatan yang berkaitan dengan laut. Masyarakat ini mempunyai pelabuhan-pelabuhan sebagai tempat untuk menjalankan kegiatan perdagangan atau kegiatan kelautan yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti bekalan air, tempat tinggal, tempat menyimpan barang dan kawasan untuk berjual beli. Masyarakat maritim merupakan masyarakat yang tinggal di pesisir pantai, kepulauan dan di lembah sungai bagi memudahkan mereka menjalankan aktiviti perdagangan, membuat kapal, menangkap ikan dan mengutip hasil laut.

Semasa pemerintahan Putera Henry (Henry The Navigator), kerajaan Portugal telah menjadi kuasa maritim yang terunggul di Eropah pada abad ke-15. Putera Henry bersungguh-sungguh mempromosi kegiatan penjelajahan melalui penubuhan Akademi Laut di Sagres. Melalui akademi ini beliau telah mengundang ahli pelayaran, pakar matematik, kartografi dan astronomi dari luar negara untuk memberi tunjuk ajar kepada pelaut Portugal. Usaha Putera Henry ini telah memunculkan ramai kelasi atau pelayar Portugal telah menjelajah ke selatan sehingga ke Cape Verde di sebelah pantai barat benua Afrika.

Ciri- Ciri Masyarakat Maritim Portugal

1. Petempatan

Lokasi di pesisiran pantai Portugal merupakan kerajaan pertama di Eropah mula menjalankan penerokaan tanah baru yang serius melalui aktiviti pelayaran ke dunia luar. Hal ini berlaku kerana Portugal mempunyai geografi tempatan di Lautan Atlantik, mempunyai pantai yang panjang dan memiliki pelabuhan yang baik seperti Lisbon dan Antwep >Pelabuhan tersebut memainkan peranan sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran barang dagangan Portugal.Selain daripada itu, Portugal tidak menghadapi persaingan dengan negara-negara Eropah yang lain seperti Sepanyol yang masih belum teguh dan bersatu padu, Itali pula masih tidak bersatu, Belanda menghadapi masalah dalam negara, manakala negara England dan Perancis terlibat dalam Perang 100 Tahun. Keadaan ini telah memberi peluang kepada Portugal untuk muncul sebagai negara maritim yang terunggul ketika itu.

2. Kemudahan Pelabuhan Pembekal

Portugal mempunyai pelabuhan yang menjadi tumpuan pedagang-pedagang Eropah iaitu pelabuhan Lisbon dan Antwerp. Portugal menjadikan pelabuhan-pelabuhan ini sebagai pusat pengeksportan dan pengeluaran barangan dagangan Portugal atau pelabuhan pembekal.. Dalam masa 30 tahun, Portugal berjaya menembusi pasaran rempah-ratus yang dikuasai oleh pedagang Venice di Itali. Portugal berhasrat untuk menguasai perdagangan rempah kerana pada abad ke-15, pedagang Islam telah menjual barangan dari Timur kepada pedagang di Venice dengan harga yang tinggi. Pedagang di Venice pula bertindak sebagai orang tengah pula telah menjual barangan tersebut kepada pedagang Eropah yang lain dengan harga yang

lebih tinggi. Oleh itu, dengan menguasai jalan perdagangan di Lautan Hindi akan membawa kepada penguasaan perdagangan rempah-ratus dan boleh mengambil alih peranan pedagang Venice sebagai orang tengah.

3. Kegiatan Ekonomi

Kegiatan ekonomi yang utama di Portugal berasaskan kelautan iaitu perdagangan, perikanan, mengumpul hasil-hasil laut dan kegiatan membina kapal.Masyarakat maritim Portugal telah melancarkan ekspedisi ke timur untuk menguasai rempah ratus , sutera dan batu permata daripada pedagang Arab-Islam. Mereka membawa hasil hutan dan bahan pencelup dari Brazil. Menjelang abad ke-16, kapal-kapal Portugal sentiasa belayar ke Timur Jauh menggunakan Tanjung Pengharapan dan membawa pulang rempah-ratus, lada hitam, sutera dan batu permata. Mereka juga berjaya membawa hasil hutan seperti kayu kayan dan bahan pencelup dari Brazil. Portugal juga telah membuka ladang tebu, menjalankan penanaman tembakau, menternak lembu dan kuda untuk diperdagangkan. Ini semua telah memberikan keuntungan kepada masyarakat Portugal. Pelabuhan Lisbon juga telah menjadi pusat agihan rempah-ratus kepada pedagang-pedagang Eropah yang lain bagi menggantikan pelabuhan Venice di Itali.

4. Teknologi Perkapalan

Masyarakat maritim Portugal mempunyai teknologi membuat kapal walaupun kapal yang dibina lebih kecil daripada kapal buatan China. Kapal orang Portugal yang dibina mempunyai dasar yang lebih dalam dan badan kapal yang agak bulat sesuai untuk perjalanan di Lautan Atlantik. Mereka mempunyai kemahiran dalam ilmu pelayaran dan mencari jalan ke Timur Sebagai contoh masyarakat maritime Portugal mempunyai kemahiran membina kapal besar jenis Caravel seberat 2000 tan. Selain itu masyarakat maritim Portugal juga mempunyai kemahiran dalam ilmu pelayaran hasil usaha Putera Henry. Beliau mahu orang Portugal mahir dalam bidang pelayaran untuk menguasai kekayaan di Afrika. Tujuan lain ialah mencari Prester John yang menjadi raja sebuah kerajaan Kristian di Afrika bagi mendapatkan bantuannya untuk menguasai kerajaan Islam di Maghribi.

5. Keupayaan Menguasai Laluan Laut

Usaha Putera Henry ini telah berjaya melahirkan ramai pelayar Portugal seperti Bartholomew Diaz, Vasco da Gama dan Alfonso de Albuquerque. Mereka telah berjaya menjelajah ke selatan sehingga ke Cape Verde di sebelah pantai Barat benua Afrika. Bartholomew Diaz telah belayar dan sampai ke Cape of Good Hope iaitu bahagian paling selatan di Afrika pada tahun 1487. Vasco da Gama pula berjaya mengelilingi Tanjung Pengharapan pada tahun 1497 dan seterusnya telah sampai di Malindi (1487) dan seterusnya beliau telah belayar ke Kalikat (1499). Selepas itu beliau telah kembali ke Lisbon dengan membawa penuh muatan barangan daripada Timur. Pada tahun 1511, Lopez de Sequeire telah berjaya menguasai Melaka dan ini membolehkan Portugal menguasai jalan perdagangan di Lautan Hindi. Pada tahun 1542, orang Portugal berjaya memasuki negara Jepun melalui pelabuhan Kyushu. Pada tahun 1570, satu perjanjian telah ditandatangani antara pedagang Portugal dengan Shogun Ashikaga iaitu mereka dibenarkan berdagang di pelabuhan Nagasaki. Seterusnya pedagang Portugal telah sampai ke pelabuhan Canton di China pada tahun 1517.

6. Kemajuan Teknologi Pelayaran

Masyarakat maritim Portugal juga mempunyai teknologi pelayaran yang diambil daripada negara lain seperti penemuan baru seperti peta Benua Eropah (kartografi), kompas magnetik, reka bentuk kapal, memiliki teknologi senapang dan meriam, dan astrolab. Pelayar Portugal mempunyai catatan wilayah baru di atas peta dan seni catatan peta yang tepat dalam peta gaya baru. Mereka juga mempunyai teknologi kompas yang diambil daripada orang Cina. Kompas ini menunjukkan utara iaitu satu petunjuk penting bagi kapal-kapal yang belayar dari timur ke barat. Orang Portugal juga mempunyai teknologi membina kapal yang baik sesuai untuk belayar di Lautan Atlantik dan memiliki astrolab hasil ciptaan orang Arab yang membenarkan seorang kapten kapal laut mengagak kedudukan kapal mereka sejauh mana dari garisan Khatulistiwa. teknologi senjata api seperti senapang dan meriam. Mereka menggunakan bahan letupan daripada China dan kemudian diubah suai dengan ciptaan senjata api mereka. Senjata api digunakan semasa pelayaran untuk menakutkan dan mengalahkan musuh-musuh yang ditentang

7. Memiliki Sifat Berani

Masyarakat maritim Portugal juga memiliki sifat berani menghadapai cabaran dan dugaan.Ekspedisi yang dilancarkan oleh Ferdinand magellen ke timur jauh/ Filipina terpaksa mengharungi badai dan ombak yang besar selain cabaran kekurangan bekalan makanan dan kerosakan kapal. Beliau tetap meneruskan pelayaran dan melarang anak kapalnya berpatah balik. Hal ini jelas menunjukkan sifat dan semangat yang tinggi dan berani yang dimiliki oleh masyarakat Portugal

8. Semangat Keterbukaan

Masyarakat Portugal juga memiliki semangat terbuka dan menjalin hubungan dengan masyarakat luar. Sehingga berlaku pemindahan idea dan teknologi baru dari luar. Masyarakat Portugal turut mempelajari bahasa, budaya dan teknologi oleh orang Arab dan Cina. Contohnya meniru penggunaan astrolabe daripada orang arab dan mempelajari teknologi membuat kompas daripada orang Cina. Jelaslah bahawa sifat keterbukaan ini mendorong perkembangan masyarakat maritime di Portugal.

Kesimpulan

Masyarakat Portugal berjaya membina sebuah empayar perdagangan serta menguasai jalan perdagangan di Lautan Hindi selama lebih daripada satu kurun. Masyarakat Portugal berjaya menjadi perintis dan meluaskan kekuasaan kerana tidak perlu bersaing dengan pihak lain di Eropah pada masa tersebut. Pusat perdagangan hanya didirikan di kawasan pantai sahaja bukannya kawasan pedalaman.

3. Huraikan faktor-faktor perkembangan perdagangan dan perniagaan di Belanda menjelang abad ke-16 hingga Abad ke-18 Masihi.

(20 markah)

Pendahuluan

Perdagangan dan perniagaan merupakan kegiatan ekonomi yang penting di Belanda pada abad ke-16 hingga 18 masihi. Kegiatan perdagangan dan perniagaan di Belanda terdiri daripada perdagangan dalam negara, perdagangan luar negara, dan perdagangan maritim. Perdagangan dalam negara melibatkan wilayah, provinsi, dan bandar-bandar di Belanda. Pada masa yang sama, Belanda turut menjalin hubungan perdagangan dengan negara-negara lain di benua Eropah seperti England, Jerman, Perancis, Sepanyol, Norway, Rusia, dan Itali. Menjelang abad ke-18, perkembangan perdagangan dan perniagaan telah menyebabkan Belanda berjaya memonopoli perdagangan rempah di bawah kawalan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC). Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perkembangan perdagangan dan perniagaan di Belanda menjelang abad ke-16 hingga 18 Masihi.

Kedudukan yang strategik

Kegiatan perdagangan berkembang kerana kedudukan strategik Belanda dipertengahan laluan perdagangan. Dari segi geografi, Belanda terletak di tengah-tengah laluan perdagangan yang menghubungkan bahagian Timur Laut dan Barat Daya Eropah. Keadaan ini menyebabkan Belanda menjadi pusat pengedaran barang dagangan di Eropah. Belanda juga memiliki industri pembinaan kapal. Kapal-kapal ini membawa barang keperluan negara-negara Eropah. Contohnya, gandum dan barli dari Poland dan Timur Prusia. Ia juga mengangkut hampir keseluruhan pengeluaran logam besi dari Sweeden. Kedudukan yang strategik ini telah membolehkan Belanda memainkan peranan penting sebagai pusat pengedaran barang dagangan di Eropah. Hal ini menyebabkan berlakunya kepesatan perdagangan dan perniagaan di Belanda.

Kekurangan sumber alam

Antara faktor yang mendorong perkembangan perdagangan adalah kekurangan sumber alam. Kekurangan sumber alam menyebabkan Belanda tidak dapat mengeluarkan barang keperluan yang mencukupi kecuali produk hasil tenusu. Belanda terpaksa mengimport barang keperluan penduduknya dari negara lain. Keadaan ini menyebabkan berlakunya peningkatan dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan Belanda. Kekurangan sumber alam juga menyebabkan kemunculan industri-industri pembuatan. Industri-industri ini menghasilkan produk daripada barang yang diimport seperti tekstil dan kertas dan kemudiannya dieksport. Bahan mentah bagi industri kain di Belanda di import dari England. Kain biasanya diproses dan dicelup dengan

pewarna sebelum di eksport semula ke negara lain. Kekurangan sumber alam ini secara tidak langsung menyebabkan Belanda terlibat dalam aktiviti perdagangan import bagi memenuhi keperluan negara. Kemunculan industri pembuatan pula merancakkan lagi aktiviti perdagangan dan perniagaan di Belanda pada abad ke-16 hingga ke-18 Masihi.

Kemudahan kewangan / sistem perbankan

Banyak institusi perbankan ditubuhkan di Belanda pada abad ke-17 masihi. Institusi ini menyediakan kemudahan pinjaman dan modal kepada peniaga. Pada tahun 1609, sebuah institusi pertukaran wang dikenali sebagai Wisselbank telah ditubuhkan di Amsterdam. Bank ini mengambil alih tugas dan peranan yang dimainkan oleh pengurup wang. Penubuhan bank ini juga dapat mengelakkan kekeliruan akibat penggunaan mata wang yang berbeza. Di samping itu, bank ini juga berperanan menyelaraskan peminjaman wang dan memperkenalkan sistem pembayaran menerusi cek. Jelaslah, penubuhan institusi perbankan meningkatkan kegiatan perdagangan kerana dapat menyediakan modal dengan mengenakan kadar faedah yang rendah. Kemunculan institusi bank ini turut menyebabkan kegiatan perdagangan dapat dijalankan dengan sistematik dan teratur. Keadaan ini turut meningkatkan keupayaan pelaburan Belanda dalam perdagangan antarabangsa.

Insurans Maritim

Pengenalan insurans maritim mendorong perkembangan perdagangan di negara Belanda. Insurans ini diperkenalkan bagi pedagang-pedagang yang terlibat dalam perdagangan menggunakan laluan laut. Insurans ini diperkenalkan sejak pertengahan abad ke-16 M sebagai langkah menanggung risiko yang dihadapi oleh pedagang semasa barang-barang diangkut menggunakan jalan laut. Premium bagi insurans berbeza dari semasa ke semasa berdasarkan harga belian barang yang diangkut. Kadar premium insurans yang diperkenalkan pada tahun 1650 adalah antara 5% hingga 11% daripada harga barangan. Pengenalan insurans maritim ini turut membantu perkembangan perdagangan dan perniagaan Belanda. Hal ini kerana dengan adanya skim perlindungan insurans ini maka golongan pedagang lebih berani mengambil risiko menjalankan perdagangan import dan eksport barangan melalui jalan laut. Tambahan pula, abad ke-16 hingga ke-18 Masihi menunjukkan bahawa jalan laut adalah merupakan jalan utama yag digunakan bagi kegiatan perdagangan import dan eksport di seluruh dunia.

Kemunculan syarikat dagang

Perkembangan perdagangan maritim menyebabkan muncul syarikat-syarikat dagang. Pada tahun 1594, sekumpulan pedagang dari Amsterdam telah menubuhkan Society of Distant Lands. Persatuan ini menyediakan dana bagi membantu pedagang-pedagang dan membiayai kos pembinaan kapal-kapal dagang. Hal ini turut mempengaruhi kemunculan lebih banyak syarikat yang ditubuhkan bagi membiayai kegiatan penjelajahan dan penerokaan ke timur.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar